

ANTARTIKA SEBAGAI WARISAN SEJAGAT



1. Malaysia merupakan antara negara yang membangkitkan isu Antartika.
2. Malaysia berpandangan bahawa penerokaan terhadap Antartika dilakukan secara tidak adil kerana didominasi oleh sebahagian kecil negara.
3. Sejak tahun 1983, Malaysia telah mengutarakan isu ini melalui NAM.
 - (a) Dalam Sidang Kemuncak NAM ke-7 di New Delhi, India, Malaysia mendesak PBB mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat.
 - (b) Malaysia mencadangkan PBB mentadbir Antartika supaya segala bentuk hasil yang terdapat di benua tersebut dapat dikongsi bersama oleh semua negara.
 - (c) Pandangan Malaysia mendapat sokongan daripada negara lain.
4. Malaysia mengambil inisiatif membentuk pasukan penyelidik dalam pelbagai bidang ke Antartika.
 - (a) Pada tahun 1985, Dr. Haji Omar Abdul Rahman melawat Antartika untuk tujuan penyelidikan.
 - (b) Sejak tahun 1999, Malaysia secara giat melakukan penyelidikan di Antartika, terutamanya dalam bidang perubahan iklim dan kajian gas rumah hijau.
 - (c) Malaysia mewujudkan Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan yang ditempatkan di Universiti Malaya dengan diterajui oleh Dr. Azizan Abu Samah.
 - (d) Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) di Kuala Lumpur turut melakukan penyelidikan saintifik di Antartika.
5. Komitmen Malaysia dalam penyelidikan Antartika membuktikan bahawa negara kecil juga mampu mencapai kejayaan jika diberi peluang dalam penyelidikan Antartika.

